


ALYA kini mampu memahami setiap arahan dan tutur bicara individu di sekelilingnya.



ROSELA ISMAILI/BERITA HARIAN

JUALAN HEBAT **KAMDAR**

6 MAC - 11 APRIL 2010

Kunjungilah Juga
Pesta Jualan Kamdar
di Tkt 4 Dewan Pameran
Sungai Wang Plaza
Kuala Lumpur
Dari 5 - 21 Mac 2010

Diskaun Sehingga 70%!

... memang berbaloi

Suntikan sel saraftunjang arnab

<< Ratu 21

Selepas beberapa bulan membuat penyelidikan mengenai kelebihan dan kekurangan rawatan sel stem daripada fetus arnab yang dikatakan mampu membantu perkembangan pesakit sindrom down, mereka akhirnya akur demi kebaikan satu-satunya cahaya mata yang diberikan.

Tidak hanya merujuk pakar perubatan dan ibu bapa penghidap sindrom down lain yang pernah menjalani rawatan sel stem arnab, Anuar dan Hairun Nizah turut mendapatkan nasihat daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) bagi mengetahui hukum jelas rawatan itu menurut Islam.

"Jawapan diterima menambahkan keyakinan kami dan menurut Jakim, arnab adalah binatang yang halal, malah rawatan sebegitu diharuskan dalam Islam," jelas Anuar.

Kata Hairun Nizah, rawatan sel stem arnab atau dipanggil xenotransplant sel stem dibangunkan sebuah syarikat tempatan, BCRO Stem Cell Transplantation Sdn Bhd (BCRO) membabitkan kos rawatan yang tinggi, justeru mereka berdua benar-benar perlu memahami kesan dan bagaimana ia berfungsi sebelum melakukannya.

"Selepas merujuk kepada doktor pakar dan ahli keluarga, kami 'laburkan' duit insurans yang diperoleh ketika melahirkan Alya serta nekad meneruskan rawatan xenotransplant pada usia yang sebelas bulan," katanya.

Selama tiga bulan perkembangan Alya dipantau melalui pemeriksaan rapi dilakukan Pengarah Perubatan BCRO Cell Transplantation Sdn Bhd, Datuk Dr Abdul Halim Jalil termasuk bagi mengenal pasti tahap kesihatan dan juga keperluan suntikan.

"Gembiranya hati tidak kepalang kerana selepas dua minggu menjalani suntikan bagi memperbaiki perkembangan otak dengan kos rawatan bernilai RM25,000 sekali suntik, Alya mula menunjukkan perkembangan positif.

"Paling ketara daya fokus terutama melalui gerakan mata yang sebelum ini langsung tiada mulai kelihatan membuatkan saya dan suami nanar seketika. Ingatkan ia komplikasi kesan

suntikan," katanya tersenyum.

Namun, ibu bapa muda itu memberitahu, perkembangan diri Alya pada tahap sekarang bukan hanya bersandarkan kepada suntikan itu saji, tetapi sesi terapi dan fisioterapi secara berterusan sejak kecil lagi banyak membantu.

"Kami beruntung kerana Alya disayangi seisi keluarga dan keadaannya ketika ini juga hasil bantuan abang dan kakak ipar yang juga pakar di dalam bidang fisioterapi," katanya.

Tiada apa yang menggembirakan hati kedua-dua ibu bapa ini apabila anak yang dilahirkan kurang upaya kini dipantau perkembangan menggunakan carta tumbesaran kanak-kanak normal, namun Anuar mengaku, walaupun suntikan sel arnab banyak membantu, beliau akur, Alya tetap dilahirkan sindrom down.

Justeru, sejak usia Alya memasuki lima bulan, dia sudah dihantar memasuki kelas fisioterapi, terapi percakapan dan berenung di Kiwanis, Petaling Jaya.

Hasilnya, Alya kini mampu memahami setiap arahan dan tutur, malah sudah mampu memanggil bapanya, Baba. Sama seperti kanak-kanak sebaya, Alya pantas beraksi apabila ibunya menyanyikan lagu Twinkle Twinkle Little Star.

Kini, Alya semakin keletah dan aktif. Paling dilihat tentulah lesung pipit yang manis berlekuk di wajah comel Alya saat diagih, begitu juga tatkala namanya dipanggil, Alya pantas mengangkat tangan bukti dia memahami tutur bicara yang keluar daripada individu lain.

Kata Anuar, Alya tidak pernah dilayan seperti anak sindrom down, malah mereka sendiri kekadang lupa keadaan anak kecil itu, malah sering membiarkan dia berseorangan bermain dan belajar seperti kanak-kanak biasa.

"Kami juga tidak pernah mengasingkan Alya dengan kanak-kanak lain, malah sering membiarkan dia diliklilingi sepupu sebaya atau anak kepada rakan saya apabila kami keluar bersama."

"Pada saya, keadaan persekitaran juga dapat membantu meningkatkan

“Keadaan persekitaran juga membantu meningkatkan tahap perkembangan diri Alya dan buktinya, dia anak yang ramah dan tidak mempunyai masalah untuk bergaul dengan orang lain”

Hairun Nizah Abdul Syukur

Ibu

tahap perkembangan diri Alya terutama dari sudut sosial dan buktinya dia anak yang ramah dan tidak mempunyai masalah untuk bergaul dengan orang lain," katanya.

Ditanya mengenai perancangan masa depan untuk Alya, pintas Hairun Nizah, dia merancang untuk mendapatkan khidmat terapi percakapan persendirian untuk Alya.

Jika dimurahkan rezeki, mereka berdua juga tidak teragak-agak untuk meneruskan rawatan suntikan sel arnab untuk Alya sekali lagi.

"Semua itu bergantung kepada kemampuan pada masa depan, namun ia termasuk di dalam senarai rancangan masa depan Alya. Sekarang, impian kami hanyalah untuk melihat dia membesar dalam suasana penuh kasih sayang, selain mampu membesar dengan sihat seperti bayi lain," katanya.

Besarnya kasih ibu, luhurnya kasih bapa, semuanya jelas terbayang melalui redup mata kedua-dua mereka pada pertemuan petang itu. Namun apa yang nyata, suntikan sel arnab walaupun nilainya hampir menyamai harga sebuah kereta Kancil, ia sememangnya tidak merugikan.

Hasilnya mungkin bergantung kepada penerimaan individu, tetapi Alya yang kuat dan kental semangatnya sudah membuktikan perkembangan kanak-kanak sindrom down juga mampu diperbaiki.

